

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB [MACHANG]**

SOALAN NO. 50

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status dan dapatan terkini 4 jawatankuasa kerja yang telah diwujudkan bagi mengkaji secara keseluruhan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak Kementerian melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal AUKU bertanggungjawab untuk menyelaras input daripada pemegang taruh utama. Di bawah jawatankuasa ini beberapa jawatankuasa lain kerja turut ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Akademik, Jawatankuasa Mahasiswa dan Jawatankuasa Tadbir Urus. Jawatankuasa ini kini sedang mengumpul dan menyelaras input daripada pemegang taruh utama pendidikan tinggi iaitu mahasiswa, kakitangan akademik dan pengurusan tertinggi universiti berkaitan kandungan peruntukan yang perlu ada di dalam akta baharu ini. Ketika ini jawatankuasa akta telah mula merangka isi kandungan akta yang baharu.

Dapatan input awal daripada jawatankuasa kerja ini termasuklah berkaitan keperluan kebebasan pelajar bersuara dan berpersatuan di dalam kampus serta tatacara pengendalian kes tatatertib, keperluan kebebasan dalam melaksanakan penyelidikan dan aktiviti pembelajaran bagi kakitangan akademik serta kekangan ahli akademik dalam menyatakan pendapat dan

NO. SOALAN: 50

bersuara (kekangan Akta 605) dan berkaitan hal tadbir urus universiti terutamanya dalam hal pelantikan Pengurusan Tertinggi Universiti.

Input-input ini kemudiannya akan dijadikan asas dalam merangka akta baru kelak bagi memastikan kehendak dan keperluan pemegang taruh utama akta ini dipenuhi. Beberapa sesi *townhall* akan diadakan untuk mendapat pandangan dan sokongan umum berkaitan isi kandungan akta baharu. Hal ini dijangka dapat dilaksanakan pada bulan Julai/Ogos 2019.

RT06/50